

## Bengkel bersiri Nexgen Unimas dapat sambutan hangat

SAMARAHAN 13 Mac - Bengkel bersiri Nexgen anjuran Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa (RIM) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) yang bermula sejak 3 Mac lalu mendapat sambutan hangat daripada pelajar kampus tersebut.

Bertemakan *Cetusan Generasi Profesional*, Nexgen yang diadakan pada setiap hujung minggu mencetus fenomena luar biasa apabila rata-rata warga kampus tidak melepaskan peluang untuk menyertai bengkel yang diadakan selama tiga minggu berturut-turut itu.

Menurut Unit Komunikasi Korporat Unimas, penganjuran bengkel itu bertujuan memberikan pendedahan menyeluruh mengenai kepemimpinan dan kemahiran insaniah dalam kalangan peserta menerusi empat fokus utama iaitu pengetahuan, kemahiran fizikal, efektif dan sosial.

"Siri pertama yang diadakan dari 3 hingga 4 Mac lalu di sekitar kampus menekankan kepada ke-



**PARA Peserta bengkel Nexgen di hadapan Gua Fairy, Bau, Sarawak, baru-baru ini.**

mahiran komunikasi dengan aktiviti seperti ceramah, modul latihan dalam kumpulan, *water confidence* dan *table confidence*.

"Siri kedua pula diadakan dari 10 hingga 11 Mac lalu, bertempat di Waterfront, Kuching dan Fairy Cave,

Bau dengan pelbagai aktiviti lasak yang menguji ketahanan fizikal dan mental," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu lagi, rata-rata peserta menyambut baik penganjuran Nexgen dan mereka

berpendapat bengkel tersebut tidak sama dengan program kepimpinan sedia ada yang lebih menumpukan kepada aktiviti dalaman sahaja.

"Melalui aktiviti luar melibatkan masyarakat setempat dan alam

semula jadi, peserta bukan sahaja menerima input melalui medium yang menarik, malah dapat merasai sendiri realiti dunia luar kampus," katanya.

Siri ketiga Nexgen dijadual berlangsung pada Sabtu dan Ahad ini.